

SOALAN NO: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]

TARIKH : 24 Oktober 2016 (Isnin)

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian bercadang menyemak semula peraturan serta syarat-syarat penubuhan dan pengoperasian taska memandangkan kos pengurusan taska sudah meningkat lebih tinggi berbanding dengan yuran yang dikenakan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa mengambil berat dan komited dengan sebarang isu mengenai Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), terutamanya isu kos pengurusan TASKA yang semakin meningkat lebih tinggi berbanding dengan yuran yang dikenakan. Untuk makluman ahli mesyuarat, peraturan dan syarat-syarat penubuhan TASKA tertakluk di bawah AKTA TASKA 1984 (Akta 308). Namun begitu, KPWKM telah mengambil inisiatif mewujudkan *Task Force Ramping Up The Ecce Industry (Task Force ECCE)* yang dipengerusikan oleh YB. Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. *Task Force* ini berperanan untuk mengatasi isu-isu TASKA. Melalui Jawatan Kuasa tersebut beberapa tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengurangkan kos penubuhan dan operasi TASKA. Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Mengadakan perbincangan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membincangkan isu-isu mempermudah kelulusan PBT;
- 2) Mengadakan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (KAP) secara talian untuk mengurangkan kos kursus;
- 3) Memperhalusi cadangan pindaan Peraturan-Peraturan TASKA 2012 bagi memastikan pindaan peraturan ini dapat membantu mengurangkan kos penubuhan dan operasi TASKA dengan tidak mengabaikan kualiti perkhidmatan TASKA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24 OKTOBER 2016
[ISNIN]
DARIPADA : Y.B. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]

SOALAN :-

Y.B. Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha kerajaan dan agensi yang terbabit memastikan supaya rumah-rumah kos rendah yang dibina amat membanggakan namun Kementerian-Kementerian yang terbabit perlulah melaksanakan semua projek yang telah dikenalpasti dan diluluskan mengikut masa yang ditetapkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rumah-rumah kos rendah di bawah bidang kuasa KPKT adalah Projek Perumahan Rakyat (PPR). Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa menitik beratkan kualiti dan mematuhi standard sepertimana yang telah ditetapkan oleh CIDB iaitu CIS1:1998 (Rumah Teres) dan CIS2:1998 (Rumah Pangsa). Antara spesifikasi mandatori yang perlu dipatuhi adalah keluasan lantai 700 kaki persegi; 3 bilik tidur; 2 bilik air; ruang tamu dan dapur serta kemudahan gunasama yang lain seperti tadika, surau, dewan komuniti, kedai/gerai, parkir dan taman permainan.

Dalam masa yang sama, KPKT sentiasa memastikan setiap projek PPR yang telah diluluskan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh yang ditetapkan ini adalah termaktub di

dalam perjanjian yang ditandatangani di antara Kerajaan dan Pemaju. Walau bagaimanapun, sekiranya projek tersebut mengalami kelewatan dari tempoh masa yang telah ditetapkan, pihak pemaju boleh mengemukakan rayuan dan memohon lanjutan tempoh masa. Pemberian lanjutan tempoh masa adalah tertakluk kepada justifikasi yang kukuh dan bukannya disebabkan oleh pihak kontraktor sendiri tetapi akibat daripada faktor pihak ketiga seperti syarikat bekalan air, Indah Water Konsortium, Tenaga Nasional Berhad dan lain-lain.

Sekiranya lanjutan tempoh masa tidak diberikan, pihak kontraktor akan dikenakan penalti denda pada jumlah tertentu mengikut jumlah kelewatan yang berlaku.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2016